

PM KECEAM GOLONGAN GUNA ORANG ASING

UM 2 - AUG 1982

S LIM RIVER 1 Ogos - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengecam golongan tertentu di negara ini yang sedang cuba menggunakan orang-orang asing untuk menekan kerajaan supaya mengubah dasar-dasarnya.

Menurutnya, golongan tersebut yang terdiri dari orang-orang tempatan menyebarkan dakyah untuk memburukkan imej kerajaan di luar negeri setelah mereka kalah dalam pilihanraya.

Perdana Menteri menegaskan, orang-orang asing yang cuba dibawa masuk untuk campur tangan dalam pemerintahan negara ini terdiri dari mereka yang cetek pengetahuan mengenai keadaan dan masalah di sini.

Berucap merasmikan bangunan UMNO bahagian Tanjung Malim hari ini, beliau menambah bahawa mereka itu hanya mampu melihat Malaysia dari satu sudut sahaja.

"Ketika kita cuba menyelamatkan rakyat kita sendiri dari ancaman pengganas komunis yang merupakan salah satu ancaman utama negara, ada pula pihak tertentu yang memburuk-burukkan niat baik kerajaan ini," kata Perdana Menteri.

Beliau memberitahu, usaha-usaha kerajaan dalam bidang keselamatan adalah semata-mata untuk menjamin keselamatan dan masa depan rakyat.

"Kita mahu dunia mengadili kita setelah men-

engar masalah-masalah yang kita hadapi tetapi mereka janganlah memberi arahan kepada kita kerana arahan sedemikian hanya datang daripada rakyat," tegas beliau.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, rakyat boleh menukar kerajaan setiap lima tahun sekali dan kerana itu tidak patut bagi golongan tertentu menggunakan lain-lain tempat di luar negeri untuk cuba menukar dasar kerajaan yang telah pun diterima oleh rakyat sendiri.

Beliau berkata, pemilihan kerajaan Barisan Nasional dalam pilihanraya umum lalu menunjukkan sokongan rakyat terhadap kerajaan dan dasar yang dilaksanakannya.

"Jika mereka merasa dasar yang dilaksanakan selama ini tidak betul, mereka boleh menukar kerajaan yang ada sekarang dalam pilihanraya," kata Perdana Menteri.

Beliau bagaimanapun yakin sebahagian besar rakyat menyokong kerajaan dan dasar-dasar yang telah ada, sedang dan akan dilaksanakan.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga menekankan betapa pentingnya bagi UMNO mengekalkan

kemerdekaan negara melalui cara dan pemikirannya sendiri, bukan atas dorongan atau pengaruh pihak luar.

"Jika parti dan kerajaan gagal mempertahankan konsep ini dan terpaksa tunduk kepada orang asing maka kemerdekaan yang telah dicapai 25 tahun lalu adalah tidak bererti," katanya.

Datuk Sri Dr. Mahathir selanjutnya mengingatkan, UMNO akan gagal menjadi se-

buah parti yang berkesan jika para pemimpin dan ahlinya tidak melaksanakan tugas masing-masing dengan jujur dan ikhlas dan meletakkan kepentingan parti di atas kepentingan diri sendiri.

"Tanpa sifat-sifat ini, UMNO akan hanya menjadi sebuah syarikat UMNO sahaja," kata beliau.

Beliau juga membidas sikap segolongan pemimpin UMNO yang masih liat untuk melepaskan jawatan masing-masing kepada golongan yang lebih muda sekalipun mereka sendiri telah berkhidmat begitu lama hingga sudah uzur atau nyanyuk.

Golongan ini, katanya, lebih mementingkan diri sendiri dari parti sedangkan parti memerlukan barisan pelapis untuk memastikan UMNO terus kukuh.

Mengenai kutipan derma pembinaan ibu pejabat UMNO di Kuala Lumpur, Perdana Menteri memberitahu, sehingga ini hanya \$200,000 sahaja yang telah dikutip sejak ia dilancarkan dua tahun lalu.